

3. Pada hari pembentangan, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) di Parlimen.
4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Justeru, Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah dikeluarkan.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022 adalah seperti berikut:

- a. Pada tahun 2022, **hasil Kerajaan Persekutuan** berjumlah RM294.357 bilion, iaitu meningkat RM60.605 bilion atau 25.9% (2021: RM233.752 bilion).
- b. Peruntukan muktamad **perbelanjaan mengurus** yang diluluskan ialah RM236.966 bilion, manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM292.693 bilion. Lebihan hasil sebanyak RM1.664 bilion telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan menjadikan perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2022 berjumlah RM294.357 bilion. Perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap merupakan perbelanjaan tertinggi [RM170.243 bilion atau 57.8%] daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus.
- c. **Perbelanjaan pembangunan** kementerian dan jabatan Persekutuan yang telah dibelanjakan berjumlah RM71.574 bilion atau 104.5% berbanding peruntukan diluluskan. Termasuk dalam perbelanjaan pembangunan ialah sejumlah RM6.068 bilion yang dikenakan dalam tempoh Akaun Kena Bayar. Perbelanjaan ini adalah di peringkat Kementerian Kewangan dan melibatkan penyaluran peruntukan kepada syarikat Danalnfra Nasional Berhad, Prasarana Malaysia Berhad serta Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.. Sejumlah RM17.086 bilion